**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

# KERATAN AKHBAR
## 22 JANUARI 2018 (ISNIN)

| AKHBAR | MUKA SURAT |
|---|---|
| **Sinar Harian** | |
| - 'Akan lulus jika dokumen lengkap' | 20 |

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR 22 JANUARI 2018 (ISNIN)** | |
|---|---|
| Akhbar | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | 'Akan lulus jika dokumen lengkap' |
| Muka Surat | 20 |

# 'Akan lulus jika dokumen lengkap'

## MPAJ gesa perunding yang dilantik patuhi syarat pembinaan SJKC Choon Hwa

SH 22/1/18 m/s 20

**PANDAN INDAH** – Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) sedang mengadakan perbincangan dengan perunding yang dilantik pihak Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Choon Hwa berhubung isu pembinaan sekolah tersebut di Taman Lembah Maju.

Yang Dipertua MPAJ, Abd Hamid Hussain berkata, pihaknya dimaklumkan perunding tersebut sedang memenuhi keperluan teknikal yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan itu.

"Bukan niat kita untuk menghalang kelulusan pembinaan sekolah tersebut, tetapi kita harus mempertimbangkan dokumen mereka mengikut piawaian yang telah ditetapkan," katanya.

Abd Hamid berkata, pihaknya juga akan membantu menyelesaikan masalah berkenaan.

"Kita juga telah nasihatkan serta menyarankan perunding berkenaan mengemukakan semula dokumen berhubung projek itu dengan sebaiknya.

"Kita akan meluluskan projek tersebut secepat mungkin jika dokumen mereka lengkap dan menepati syarat," katanya.



ABD HAMID

Sebelum ini, MCA Bahagian Pandan telah melancarkan kempen tandatangan petisyen memohon Kerajaan Negeri Selangor dan MPAJ memberi kelulusan pembinaan sekolah tersebut, baru-baru ini.

Ketua MCA Bahagian Pandan, Datuk Leong Kok Wee menyatakan, pihaknya menyasarkan lebih 10,000 tandatangan masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kaum.



Kok Wee (empat, kanan) bersama penduduk pada kempen tandatangan petisyen memohon Kerajaan Negeri Selangor dan MPAJ memberi kelulusan pembinaan sekolah tersebut.

Kok Wee yang juga Timbalan Pengerusi Lembaga Pembangunan SJKC Choon Hwa mendakwa, pihak berkuasa tempatan itu memberi lebih 30 alasan menolak permohonan kebenaran merancang dan pelan pembangunan sekolah itu antaranya keluasan tanah tidak mencapai lima ekar.